

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Semangat kejiranan perlulah dipupuk dalam diri setiap anggota masyarakat. Semangat kejiranan yang kukuh akan melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni.

Semangat kejiranan boleh dipupuk dengan cara mengadakan majlis rumah terbuka. Kebiasaannya, majlis rumah terbuka dianjurkan ketika musim perayaan. Pada waktu tersebut, pelbagai kaum dijemput bagi memeriahkan majlis rumah terbuka. Di samping memupuk semangat kejiranan, perpaduan kaum juga dapat dikukuhkan.

Selain itu, semangat kejiranan juga dapat dipupuk melalui aktiviti gotong-royong. Aktiviti seperti ini dapat mengukuhkan semangat kejiranan dan saling bekerjasama dalam kalangan anggota masyarakat. Setiap anggota masyarakat juga perlulah mengambil bahagian agar matlamat tersebut tercapai.

Langkah lain untuk memupuk semangat kejiranan adalah dengan menziarahi jiran tetangga. Dengan cara ini, hubungan antara jiran dapat dieratkan. Jiran dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat.

Kesimpulannya, semangat kejiranan wajar dipupuk dalam diri setiap anggota masyarakat. Hal ini kerana, semangat kejiranan akan menjadikan masyarakat kita bersatu padu.

- 1 Bilakah majlis rumah terbuka biasanya diadakan?
 - A Musim perayaan
 - B Musim buah-buahan
 - C Musim hujan
 - D Musim kemarau
- 2 Bagaimanakah cara untuk mengukuhkan semangat kejiranan?
 - A Menyertai aktiviti gotong-royong
 - B Tidak menganjurkan majlis rumah terbuka
 - C Tidak menegur jiran
 - D Menjauhi jiran
- 3 Jiran tetangga dapat mengenali antara satu sama lain dengan cara
 - A duduk bersendirian di dalam rumah.
 - B tidak menghadiri jamuan makan.
 - C menziarahi jiran.
 - D bermasam muka dengan jiran.
- 4 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
 - A Semangat kejiranan menyebabkan hubungan masyarakat semakin renggang.
 - B Perpaduan kaum dapat dikukuhkan melalui penganjuran majlis rumah terbuka.
 - C Semangat kejiranan tidak perlu dipupuk dalam anggota masyarakat.
 - D Aktiviti gotong-royong merosakkan hubungan masyarakat.